

## **“3 Swipes 3% Rebate” Promotion (the “Promotion”) – Terms & Conditions**

1. This Promotion is offered by CIMB Bank Berhad ("Bank") and will be valid from 1 May 2012 to 31 August 2012, both dates inclusive ("Promotion Period"). CIMB Bank reserves the right upon giving adequate notice to change the duration and/or the commencement and/or expiry dates of the Promotion Period.
2. **Entitlement to Promotion**  
The Promotion is open to new CIMB Bank/CIMB Islamic Debit MasterCard cardholders and existing CIMB Bank/CIMB Islamic Debit MasterCard cardholders who have been notified by the Bank either through Short Message Service (SMS) or telephone call ("Eligible Cardholder(s)"), subject to the terms and conditions contained herein.
3. **Promotion Mechanics**
  - a. Subject to these terms and conditions, under the Promotion, the Eligible Cardholders is entitled to receive a three percent (3%) cash rebate ("Cash Rebate") on the Eligible Cardholder's first three (3) retail transactions that are performed via the CIMB Bank/CIMB Islamic Debit MasterCard ("Debit Card") and successfully debited from the Eligible Cardholder's CIMB Bank/CIMB Islamic Debit MasterCard Point-of-Sale ("POS") designated account within the first thirty (30) calendar days of receiving the new Debit Card (for new Eligible Cardholders) or within the first thirty (30) calendar days upon being notified by the Bank through Short Message Service (SMS) or telephone call (for existing Eligible Cardholders).
  - b. Only successful retail transactions effected through the Debit Card at MasterCard network of merchants will be considered for this Promotion.
  - c. The Promotion is not applicable for new Debit Card issued due to stolen/lost/damaged Debit Card.
  - d. The Cash Rebate will be credited into the Eligible Cardholder's Debit Card Point-of-Sale ("POS") designated account within six (6) to eight (8) weeks after the Promotion Period. The Bank reserves the right to forfeit the Cash Rebate if the Eligible Cardholders' Debit Card POS designated account is not in good standing and/or the Eligible Cardholder is in breach of any of the terms and conditions contained in the CIMB Bank/CIMB Islamic Debit Card terms and conditions and/or if the POS designated account is closed or invalid at the point of Cash Rebate fulfillment.
  - e. The Cash Rebate earned will be rounded down to the nearest ringgit (RM).
  - f. In the event that after the Cash Rebate is credited into the Eligible Cardholder's Debit Card POS designated account, a reversal of entry is made on any one of the first three (3) transactions, the Eligible Cardholder hereby authorizes the Bank to debit the Eligible Cardholder's POS designated account with the entire Cash Rebate credited pursuant to the Promotion. Where the POS designated account is a current account, the Eligible Cardholder acknowledges and agrees that the Bank will not be held liable for defamation and or for breach of contract and or for any losses damages expenses costs or charges whatsoever which may be claimed against the Bank arising from remarks placed on the returned cheque(s) by the Bank and or upon the grounds that cheque(s) issued under the POS designated account was returned due to insufficient funds in the POS designated account as a result of the Bank debiting the POS designated Account pursuant to the Eligible Cardholder's authorization under this sub-clause.
  - g. All disputed, unauthorized, fraudulent and void transaction(s) shall not be entitled to any Cash Rebate.

#### **4. Participating Criteria**

- a. Eligible Cardholder has to swipe or use the Debit Card a minimum of three (3) times for retail transactions within thirty (30) calendar days of receiving the new Debit Card (for new Eligible Cardholders) or within the first thirty (30) calendar days upon being notified by the Bank through Short Message Service (SMS) or telephone call (for existing Eligible Cardholders).
- b. Example of the Cash Rebate tabulation is as follows:

Month	No. of Card Swipe	Spend Amount (RM)	Cash Rebate Entitlement
Month 1	1	100.00	Entitled
	2	80.00	Entitled
	3	20.00	Entitled
	4	200.00	Not Entitled
Month 2	5	50.00	Not Entitled
	6	100.00	Not Entitled
	7	60.00	Not Entitled
<b>Total Cash Rebate Entitlement</b>		<b>6.00</b>	

Note: Total eligible spend = RM100+RM80+RM20 = RM200

Cash Rebate entitled = RM200 @ 3% = **RM6**

- c. The entitlement to the Cash Rebate is applicable for each Debit Card issued by the Bank. In the case where Eligible Cardholder has more than one (1) Debit Card, the Cash Rebate will be offered to each of the Debit Card possessed by the Eligible Cardholder.

#### **General Terms & Conditions**

- 5. By participating in the Promotion, Eligible Cardholders are deemed to have read, understood and agreed to be bound by the terms and conditions stated herein and agree that any and all decisions made by the Bank in relation to every aspect of the Promotion shall be final and conclusive.
- 6. The Bank shall not be liable for any delay or failure in the transmission of the transaction by MasterCard, merchant or any party within the thirty (30) calendar days as set out in Clause 4(a) which may result in the disqualification of the Eligible Cardholder to the Cash Rebate.
- 7. The Bank shall not be liable to any Eligible Cardholder or any party for any loss or damage of whatsoever nature suffered by the Eligible Cardholder or any party (including but not limited to, loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party) howsoever arising, in relation to the participation or non-participation in the Promotion.
- 8. The Bank reserves the right to cancel, terminate or suspend the Promotion upon giving adequate notice. For the avoidance of doubt, cancellation, termination or suspension by the Bank of the Promotion shall not entitle the Eligible Cardholder or any other persons whatsoever to any claim or compensation against the Bank for any losses or damages suffered or incurred as a direct or indirect result of the act of cancellation, termination or suspension.
- 9. The Bank reserves the right upon giving adequate notice to vary (whether by addition, deletion, modification, amendment or otherwise howsoever) ("the Amendment") any of the terms and conditions herein. Notification to the Eligible Cardholder in respect of the Amendment shall be effected at the Bank's absolute discretion through any one of the following means of communication, namely, by ordinary mail to the Eligible Cardholder's last known address or by posting a notice regarding the Amendment at each of the Bank's branches or by effecting an advertisement regarding

the Amendment in one newspaper of the Bank's choice, or via the Bank's website and the Amendment shall be deemed as binding on the Eligible Cardholder as from the date of notification of the Amendment or from such other date as may be specified by the Bank in the notification.

10. These Terms and Conditions, as the same may be amended from time to time pursuant to Clause 9, shall prevail over any provisions or representations contained in any other promotional material advertising the Promotion.
11. In the event of any complaints related to the Promotion, Eligible Cardholders may contact the Bank's Customer Resolution Department bearing the following address, telephone, facsimile numbers and e-mail address (or bearing such other address, telephone, facsimile numbers and e-mail address which the Bank may change by notification to the Eligible Cardholders): Customer Resolution Department, Level 19, Menara Bumiputra-Commerce, 11 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur Tel: 603 26192380 / Fax: 603 26913248/ e-mail address: [cru@cimb.com](mailto:cru@cimb.com).

(REMAINDER OF PAGE DELIBERATELY LEFT BLANK)

## **Promosi “3 Swipes 3% Rebate” (“Promosi”) – Terma & Syarat**

1. Promosi ini ditawarkan oleh CIMB Bank Berhad (“Bank”) dan sah dari 1 Mei 2012 hingga 31 Ogos 2012, kedua-dua tarikh termasuk (Tempoh Promosi”). CIMB Bank berhak, selepas memberikan notis yang cukup, mengubah tempoh dan/atau tarikh mula dan/atau tarikh tamat Tempoh Promosi.

### **2. Kelayakan Promosi**

Promosi ini terbuka kepada pemegang kad CIMB Bank Debit Mastercard yang baru dan pemegang kad CIMB Bank Debit MasterCard yang sedia ada, yang telah dimaklumkan oleh Bank sama ada menerusi Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) atau panggilan telefon (“Pemegang Kad yang Layak”), tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini.

### **3. Mekanisme Promosi**

- a. Tertakluk kepada terma dan syarat ini, di bawah Promosi ini, Pemegang Kad yang Layak berhak menerima tiga peratus (3%) rebet tunai (“Rebet Tunai”) bagi tiga (3) urus niaga runcit yang pertama yang dilakukan oleh Pemegang Kad yang Layak melalui CIMB Bank Debit MasterCard (“Kad Debit”) dan berjaya didebitkan daripada akaun *Point-of-Sale* (“POS”) yang ditetapkan oleh Pemegang Kad yang Layak untuk urus niaga CIMB Bank Debit Mastercard dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalender yang pertama selepas menerima Kad Debit baharu (untuk Pemegang Kad yang Layak yang baharu) atau dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalender yang pertama selepas dimaklumkan oleh Bank menerusi Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) atau panggilan telefon (untuk Pemegang Kad yang Layak yang sedia ada).
- b. Hanya urus niaga runcit yang berjaya dilakukan menerusi CIMB Bank Debit Mastercard di rangkaian pedagang MasterCard akan dipertimbangkan untuk Promosi ini.
- c. Promosi ini tidak terpakai untuk Kad Debit baharu yang dikeluarkan disebabkan Kad Debit dicuri/hilang/rosak.
- d. Rebet Tunai akan dikreditkan ke dalam akaun *Point-of-Sale* (“POS”) yang ditetapkan oleh Pemegang Kad yang Layak untuk urus niaga CIMB Bank Debit MasterCard dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu selepas Tempoh Promosi. Bank berhak untuk membatalkan Rebet Tunai jika kedudukan akaun POS yang ditetapkan oleh Pemegang Kad yang Layak untuk urus niaga CIMB Bank Debit MasterCard adalah tidak memuaskan dan/atau Pemegang Kad yang Layak melanggar mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam terma dan syarat Kad Debit CIMB Bank dan/atau jika akaun POS yang ditetapkan ditutup atau tidak sah pada masa pembayaran Rebet Tunai.
- e. Rebet Tunai yang diperoleh akan digenapkan kepada ringgit (RM) yang terdekat.
- f. Jika selepas Rebet Tunai dikreditkan ke dalam akaun POS yang ditetapkan oleh Pemegang Kad yang Layak untuk urus niaga CIMB Bank Debit MasterCard, pembalikan entri dibuat ke atas mana-mana satu daripada tiga (3) urus niaga yang pertama, Pemegang Kad yang Layak dengan ini membenarkan Bank untuk mendebitkan semua Rebet Tunai yang dikreditkan ke dalam akaun POS yang ditetapkan oleh Pemegang Kad yang Layak menurut Promosi ini. Jika akaun POS yang ditetapkan ialah akaun semasa, Pemegang kad yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungan untuk fitnah dan atau untuk pelanggaran kontrak dan atau untuk apa jua kerugian, ganti rugi, perbelanjaan, kos atau caj yang mungkin dituntut terhadap Bank yang timbul daripada catatan yang tertera pada cek yang dipulangkan oleh Bank dan atau dengan alasan bahawa cek yang dikeluarkan di bawah akaun POS yang ditetapkan dipulangkan kerana wang dalam akaun POS yang ditetapkan tersebut tidak mencukupi disebabkan oleh tindakan Bank mendebitkan Akaun POS yang ditetapkan menurut kebenaran yang diberikan oleh Pemegang Kad yang Layak di bawah subfasal ini.
- g. Semua urus niaga yang dipertikaikan, tidak dibenarkan, fraud dan tidak sah tidak layak menerima apa-apa Rebet Tunai.

#### 4. Kriteria Penyertaan

- Pemegang Kad yang Layak perlu meleretkan atau menggunakan Kad Debit minimum tiga (3) kali untuk urus niaga runcit dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalender selepas menerima Kad Debit baharu (untuk Pemegang Kad yang Layak yang baharu) atau dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalender yang pertama selepas dimaklumkan oleh Bank menerusi Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) atau panggilan telefon (untuk Pemegang Kad yang Layak yang sedia ada).
- Contoh penjadualan Rebet Tunai adalah seperti yang berikut:

Bulan	Bilangan Kali Kad Dileretkan	Jumlah Perbelanjaan	Kelayakan Rebet Tunai
<b>Bulan 1</b>	1	100.00	Layak
	2	80.00	Layak
	3	20.00	Layak
	4	200.00	Tidak Layak
<b>Bulan 2</b>	5	50.00	Tidak Layak
	6	100.00	Tidak Layak
	7	60.00	Tidak Layak
<b>Jumlah Kelayakan Rebet Tunai</b>		<b>6.00</b>	

*Nota: Jumlah perbelanjaan yang layak = RM100+RM80+RM20 = RM200  
Rebet Tunai yang layak diterima = RM200 @ 3% = RM6*

- Kelayakan Rebet Tunai adalah terpakai untuk setiap Kad Debit yang dikeluarkan oleh Bank. Jika Pemegang Kad yang Layak mempunyai lebih daripada satu (1) Kad Debit, Rebet Tunai akan ditawarkan kepada setiap Kad Debit yang dimiliki oleh Pemegang Kad yang Layak.

#### Term & Syarat Am

- Dengan menyertai Promosi ini, Pemegang Kad yang Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan bersetuju bahawa apa-apa dan semua keputusan yang dibuat oleh Bank berhubung dengan setiap aspek Promosi adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.
- Bank tidak akan bertanggungan terhadap apa-apa kelewatan atau kegagalan dalam penghantaran urus niaga oleh MasterCard, pedagang atau mana-mana pihak dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalender seperti yang dinyatakan dalam Fasal 4(a) yang boleh menyebabkan Rebet Tunai Pemegang Kad yang Layak ditarik balik.
- Bank tidak akan bertanggungan terhadap mana-mana Pemegang Kad yang Layak atau mana-mana pihak untuk apa jua jenis kerugian atau ganti rugi yang ditanggung oleh Pemegang Kad yang Layak atau mana-mana pihak (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kerugian pendapatan, keuntungan atau nama baik secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, hukuman atau ganti rugi khas bagi mana-mana pihak) yang timbul walau dengan apa jua cara sekalipun berhubung dengan tindakan menyertai atau tidak menyertai Promosi ini.

8. Bank berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Promosi ini selepas memberikan notis yang cukup. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penangguhan Promosi ini oleh Bank, tidak melayakkan Pemegang Kad yang Layak atau mana-mana orang lain untuk membuat apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap Bank bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami atau yang ditanggung sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan pembatalan, penamatan atau penangguhan itu.
9. Bank berhak, selepas memberikan notis yang cukup, mengubah (sama ada dengan menambah, menghapuskan, mengubah suai, meminda atau selainnya dengan walau dengan apa jua cara sekalipun) ("Pindaan") mana-mana terma dan syarat dalam dokumen ini. Pemberitahuan kepada Pemegang Kad yang Layak berhubung dengan Pindaan hendaklah dilaksanakan mengikut budi bicara mutlak Bank menerusi salah satu cara komunikasi yang berikut, iaitu melalui mel biasa ke alamat terakhir Pemegang Kad yang Layak yang diketahui atau dengan memaparkan notis berhubung dengan Pindaan di setiap cawangan Bank atau dengan mengadakan iklan berhubung dengan Pindaan itu dalam satu surat khabar pilihan Bank, atau melalui laman web Bank dan Pindaan itu hendaklah dianggap sebagai mengikat Pemegang Kad yang Layak bermula dari tarikh pemberitahuan Pindaan atau tarikh lain yang tertentu seperti yang dinyatakan oleh Bank dalam pemberitahuan itu.
10. Terma dan Syarat ini, apabila ia mungkin dipinda dari semasa ke semasa menurut Fasal 9, hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Promosi ini.
11. Jika terdapat apa-apa aduan yang berkaitan dengan Promosi ini, Pemegang Kad yang Layak boleh menghubungi Jabatan Resolusi Pelanggan Bank di alamat, nombor telefon, faksimile dan alamat e-mel berikut (atau di alamat, nombor telefon, faksimile dan alamat e-mel lain yang ditukar oleh Bank melalui pemberitahuan kepada Pemegang Kad yang Layak): Jabatan Resolusi Pelanggan, Aras 19, Menara Bumiputra-Commerce, 11 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur Tel: 603 26192380 / Faks: 603 26913248 / alamat e-mel: [cru@cimb.com](mailto:cru@cimb.com)

(BAKI HALAMAN SENGAJA DIBIARKAN KOSONG)